

**Akta 355** ini tidak memperuntukkan sebarang undang-undang hudud "capital punishment". Pilihan untuk menaikkan kadar hukuman kepada kadar yang lebih tinggi adalah terpulang kepada negeri-negeri untuk memastikan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang. Akta 355 tidak menyentuh bidang kuasa mahkamah sivil untuk membicarakan kes-kes jenayah di bawah Kanun Keseksaan.

**Pindaan Akta 355** Adalah bertujuan meningkatkan hukuman bagi memperkasakan Mahkamah Syariah dalam pengawalan moral yang sekarang ini berhadapan dengan gejala sosial yang amat serius. Jika hukuman terhadap kesalahan persetubuhan luar tabii dengan haiwan di bawah Seksyen 377 Kanun Keseksaan boleh dikenakan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda atau sebatan maka hukuman "3,5,6" untuk kesalahan terhadap manusia adalah terlalu ringan. Adakah kita ingin biarkan undang-undang sedia ada melindungi kehormatan binatang lebih daripada kehormatan manusia? Haruskah hukuman menyetubuhi haiwan adalah lebih tinggi dan menggerunkan berbanding meliwat manusia?!

**Berkenaan dengan isu kesamarataan**, tidak timbul isu kesamarataan seperti yang disebutkan dalam Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan kerana kesamarataan tersebut hanya merujuk kepada "genre" yang sama, sebagai contoh, Islam dan bukan Islam adalah bukan kategori atau genre yang sama tetapi kategori yang sama ialah hukuman yang berlainan kepada 2 kumpulan orang Islam.

**Pindaan Akta 355** ini telahpun dicadangkan oleh JAKIM sejak hampir 10 tahun yang lalu, namun, oleh kerana kekangan birokrasi menjadi faktor kelambatan, ia lebih mudah dibentangkan secara persendirian.

**Mahkamah Syariah** ialah warisan unggul Kesultanan Melayu/Islam yang telah berdaulat sejak permulaan kedaulatan Islam di alam Melayu sebagaimana yang tercatat pada batu bersurat Terengganu iaitu 1303(M). Kedaulatan Mahkamah Syariah kemudiannya diiktiraf oleh Perlembagaan Persekutuan sebagaimana yang termaktub dalam Butiran 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan (B1SNJ9PP) berdasarkan Kuasa Negeri sebagaimana yang diberikan menurut Perkara 74(2) Perlembagaan Persekutuan.

Walaupun Perlembagaan Persekutuan mewujudkan sistem Kehakiman Negara berteraskan Peruntukan Bahagian IX PP, namun bagi memastikan bidangkuasa Mahkamah Syariah tidak tersentuh oleh Mahkamah Sivil, maka pada tahun 1988, diperkenalkan pula Perkara 121(1A) pada Bahagian IX tersebut. Peruntukan 121(1A) ini tidak dengan sendirinya menyenaraikan bidangkuasa Mahkamah Syariah, tetapi ia memantapkan kedaulatan Mahkamah Syariah dari diganggu-gugat oleh Mahkamah Sivil. Bidangkuasa Mahkamah Syariah adalah sebagaimana yang termaktub di dalam B1SNJ9PP yang antara lain menggariskan prinsip utama bidangkuasa Mahkamah Syariah seperti berikut –

*"the constitution, organization and procedure of Syariah Courts, which shall have jurisdiction only over persons profesting the religion of Islam and in respect only of any of the matters included in this paragraph, but shall not have jurisdiction in respect of offences except in so far as conferred by federal law;"*



Institut Kajian Strategik Islam Malaysia (IKSiM)

Lot 3G3, tingkat 6, Bangunan Annexe,  
Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Putrajaya,  
Istana Kehakiman, Presint 3, 62506 Putrajaya.  
Tel: +603-8881 1887  
Fax: +603-8881 1885

[www.iksim.my](http://www.iksim.my)

# PINDAAN AKTA 355

**MENINGKATKAN AUTONOMI NEGERI UNTUK  
MEMBENDUNG GEJALA MAKSIAH DAN  
SALAH-LAKU SYARIAH**



## **3 Tertakluk kepada had hukuman maksimum yang ditentukan Akta Persekutuan – Akta 355**

Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) 1965 (Akta 355) adalah keperluan Undang-undang berdasarkan Perlembagaan Persekutuan iaitu; bidang kuasa hukuman Mahkamah Syariah hendaklah ditetapkan oleh undang-undang Persekutuan. Justeru pindaan A355 tidak boleh disifatkan sebagai 'unconstitutional' kerana ia adalah keperluan Perlembagaan. Akta 355 ini hanya menetapkan had hukuman maksima yang boleh dijatuhkan oleh Mahkamah Syariah sama seperti dalam isu kesalahan berkaitan kekeluargaan, zakat, hibah, amanah, pewarisan, wakaf, masjid, surau dan kesalahan berkaitan 'offences against precept of Islam' sebagaimana yang terkandung dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah sekarang. Ia hanya mengandungi 3 seksyen sahaja. Seksyen 2 adalah yang terpenting iaitu menetapkan hukuman maksima penjara 3 tahun, denda RM5,000.00, dan 6 sebatan (356) dan telah berkuatkuasa selama 32 tahun sejak tahun 1984, sedangkan kebanyakan hukuman lain di Mahkamah Sivil di bawah Kanun Keseksaan dalam kesalahan jenayah, telah ditingkatkan berulang kali.

## **Autonomi Lebih Luas Kepada Negeri Untuk Mencegah Maksiat dan Salah-laku Syariah**

Jika pindaan Akta 355 diluluskan di Parlimen, ia tidak meningkatkan kadar hukuman secara automatik sebaliknya Dewan Undangan Negeri (DUN) perlu meluluskan tahap hukuman bagi setiap kesalahan dalam Enakmen-enakmen Syariah yang sedang berkuatkuasa di negeri tersebut terlebih dahulu. Peluang untuk berdebat mengenai kadar hukuman yang munasabah masih terbuka di peringkat DUN. Selain daripada kesalahan-kesalahan di dalam Enakmen Jenayah Syariah, kesalahan-kesalahan lain yang berkaitan kekeluargaan seperti kahwin lari, poligami tanpa kebenaran, tidak bayar nafkah, melarikan anak dara dari jagaan dsbnya masih tidak berubah.

**Secara telitinya** prinsip-prinsip yang termaktub dalam butiran 1 tersebut di atas adalah seperti berikut –

### **1 Terhad kepada umat Islam**

Bidang kuasa Mahkamah Syariah terhad hanya kepada orang yang menganut agama Islam. Oleh itu orang bukan Islam tidak perlu bimbang dengan agenda politik yang cuba menakutkan masyarakat bukan Islam.

### **2 Terhad kepada perkara-perkara dalam Butiran 1; Tidak termasuk perkara-perkara dalam senarai Persekutuan dan perkara-perkara lain dalam Senarai Negeri**

Butiran 1 juga menetapkan bidangkuasa Mahkamah Syariah hanya kepada perkara-perkara yang terkandung dalam Butiran 1 sahaja yang meliputi perkara-perkara berkaitan kekeluargaan, zakat, hibah, amanah, pewarisan, wakaf, masjid, surau dan sebagainya. Manakala dalam hal kesalahan (jenayah Syariah) pula bidangkuasanya terbatas kepada "offences by persons profesting the religion of Islam against precepts of that religion, except in regard to matters included in the Federal List:"

Justeru Perlembagaan sendiri yang menghalang mahkamah Syariah membicarakan atau menghukum kesalahan-kesalahan yang terkandung dalam Kanun Keseksaan (Penal Code) serta undang-undang lain di bawah senarai Persekutuan. Justeru kesalahan-kesalahan seperti mencuri, merogol, rasuah, pecah amanah, merompak, ragut tidak termasuk di bawah Mahkamah Syariah.